

31 MAR 1999
Mahathir-Sabah
DR MAHATHIR LAWAT SABAH 10-12 APRIL

KOTA KINABALU, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diberikan sambutan penuh tradisi apabila beliau tiba untuk lawatan tiga hari ke Sabah 10 April ini.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata, pada hari pertama lawatan itu Perdana Menteri akan ke Ranau, kira-kira 90km dari sini, untuk bertemu penduduk di daerah pergunungan itu.

Lawatan beliau ke daerah itu dilihat sebagai memenuhi janji beliau kepada penduduk Ranau yang tidak sempat bertemu beliau pada lawatannya ke Sabah ketika kemuncak kempen pilihan raya negeri yang lepas.

Perdana Menteri telah dijadualkan berlepas dengan helikopter untuk bertemu rakyat di daerah itu pada petang 11 Mac lepas, tetapi lawatan itu terpaksa dibatalkan ekoran cuaca buruk.

Pembatalan lawatan Dr Mahathir ketika itu bagaimanapun tidak menghalang beliau daripada menyampaikan amanat kepada penduduk daerah itu apabila ucapan beliau disiarkan secara langsung melalui radio dari Kota Kinabalu.

Osu berkata, selepas lawatan ke Ranau, Perdana Menteri akan bertemu anggota Kabinet negeri sebelum mengadakan majlis kesyukuran bersama rakyat di Stadium Likas, di sini pada sebelah malamnya.

Pada sepanjang hari 11 April pula, Dr Mahathir akan menghadiri acara-acara persendirian sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pagi keesokan harinya.

-- BERNAMA
JS NMO